

UPM anjur Karnival Keterjaminan Makanan, tangani isu kecukupan bekalan makanan negara

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 7 Jun – Universiti Putra Malaysia (UPM) akan menganjurkan Karnival Keterjaminan Makanan dalam menangani isu kecukupan bekalan makanan yang kini menjadi agenda serius negara pada masa kini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohammad Sabu bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd hadir ke Pelancaran Blueprint Keterjaminan Makanan yang berlangsung semasa Karnival Keterjaminan Makanan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), UPM.

Naib Canselor UPM, Dato' Prof. Dr. Ahmad Farhan Mohd Sadullah berkata, sebagai universiti yang menonjolkan disiplin pertanian sebagai bidang tujahan utama penganjuran karnival ini adalah sejajar dengan hasrat negara untuk menangani berkenaan isu tersebut.

“Karnival ini adalah platform untuk memberi pendedahan kepada warga kampus terhadap peranan masing-masing serta menyatakan tindakan strategik keterjaminan makanan bagi memberi solusi kepada negara,” katanya.

Tambah beliau, dokumen Blueprint Keterjaminan Makanan UPM yang dilancarkan bertujuan untuk dijadikan rujukan bukan sahaja kepada pihak akademik tetapi untuk pelbagai peringkat dalam membantu isu keterjaminan makanan.

“Saya berharap melalui blueprint tersebut akan memberi dimanfaatkan kepada semua pihak untuk bersama-sama memperkukuhkan industri pertanian negara serta ini memperlihatkan fungsi universiti berperanan

memberi manfaat kepada masyarakat," katanya.



Selain itu, Forum Pertanian dan Keterjaminan Makanan turut diadakan bertujuan untuk mengupas isu semasa berkaitan Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang selari dengan hasrat UPM untuk menjadikan universiti sebagai pakar rujuk berkaitan keterjaminan makanan di Malaysia.

Dalam pada itu, karnival satu hari itu telah mengadakan Pameran Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang berfokus kepada tanaman, penternakan dan teknologi bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai kajian dan produk berkaitan pertanian dan keterjaminan makanan yang dihasilkan oleh UPM.



Pengunjung turut mendapatkan produk pertanian hasil keluaran UPM serta produk hasil penyelidikan dan anak pokok pada karnival tersebut.